

# EPIDUO® GEL

Adapalene / Benzoyl peroxide (0.1% w/w / 2.5% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Epiduo® Gel
2. Bagaimana Epiduo® Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Epiduo® Gel
4. Cara menggunakan Epiduo® Gel
5. Semasa menggunakan Epiduo® Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Epiduo® Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Epiduo® Gel

Epiduo® Gel digunakan untuk rawatan jerawat.

## Bagaimana Epiduo® Gel berfungsi

Epiduo® Gel menggabungkan dua bahan aktif, Adapalene dan Benzoyl peroxide yang bertindak bersama tetapi di dalam cara yang berlainan :

Adapalene tergolong di dalam produk kumpulan yang dikenali sebagai retinoid dan bertindak dengan khusus ke atas proses kulit yang menyebabkan jerawat. Bahan aktif lainnya, benzoyl peroxide berfungsi sebagai agen antimikrobial dan dengan melembut serta mengelupaskan lapisan luar kulit.

## Sebelum Menggunakan Epiduo® Gel

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada sebarang kandungan di dalam Epiduo® Gel.

Keselamatan dan keberkesanan Epiduo® Gel belum dikaji pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

### *Mengandung dan menyusukan bayi*

Jangan mengguna Epiduo® Gel jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Guna Epiduo® Gel dengan berhati-hati jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Penggunaan Epiduo® Gel pada bahagian dada harus dielakkan semasa menyusukan bayi.

### - Sebelum menggunakan Epiduo® Gel

- Anda tidak patut menggunakan Epiduo® Gel pada bahagian di mana terdapat luka, kesan calar atau ekzema.
- Pastikan Epiduo® Gel tidak memasuki mata, mulut dan hidung serta bahagian lain badan anda yang sangat sensitif. Sekiranya ini berlaku, cuci bahagian-bahagian ini dengan air suam yang banyak dengan segera.
- Elakkan pendedahan yang keterlaluan terhadap cahaya matahari dan lampu UV.
- Elakkan Epiduo® Gel daripada terkena rambut anda atau fabrik berwarna kerana ia akan melunturkannya dan cuci tangan anda dengan teliti selepas anda menggunakan ubatan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

- Jangan gunakan produk jerawat lain (yang mengandungi benzoyl peroxide dan/atau retinoid) pada masa yang sama dengan Epiduo® Gel.
- Elak penggunaan Epiduo® Gel serentak dengan kosmetik yang menyebabkan iritasi, kulit kering atau megelupas.

## Cara menggunakan Epiduo® Gel

### - Berapa banyak harus digunakan

Guna Epiduo® Gel sepertimana yang diberitahu oleh doktor anda. Rujuk dengan doktor atau ahli

farmasi jika anda tidak pasti. Sapukan selapis nipis gel dengan rata pada bahagian jerawat sekali sehari pada waktu petang, elakkan pada bahagian mata, bibir dan hidung. Kulit perlu bersih dan kering sebelum penggunaan.

### - Bila perlu digunakan

Ikuti arahan doktor anda, dengan hujung jari disapu rata ke seluruh bahagian muka anda yang terjejas. Penggunaan yang lebih banyak tidak akan mempercepatkan pemulihan, dan ianya bukan idea yang baik untuk melakukan rawatan setempat. Teruskan dengan jumlah yang betul dan tetap.

### - Berapa lama perlu digunakan

Berapa lama perlu anda menggunakan Epiduo® Gel adalah bergantung kepada berapa cepat keadaan anda berubah menjadi lebih baik. Teruskan dengan terapi anda kerana jerawat boleh mengambil masa untuk bertambah baik. Selepas anda menggunakan selama sebulan, anda patut berjumpa semula dengan doktor atau ahli farmasi anda supaya mereka boleh memeriksa tahap pemulihan anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Terlepas rawatan walaupun sehari boleh mengakibatkan jerawat baru membentuk di bawah permukaan kulit. Jadi cubalah jadikan Epiduo® Gel sebahagian daripada rutin biasa anda. Jika anda tertinggal sehari, mulakan semula keesokan harinya dengan jumlah yang anda biasa gunakan pada setiap bahagian muka anda yang terjejas dan keadaan anda akan kembali seperti sediakala.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan Epiduo® Gel berlebihan daripada apa yang sepatutnya pada kulit, anda tidak akan menghilangkan jerawat dengan lebih cepat, tetapi kulit anda mungkin akan berasa gatal dan kemerahan.

# EPIDUO® GEL

Adapalene / Benzoyl peroxide (0.1% w/w / 2.5% w/w)

## Semasa menggunakan Epiduo® Gel

- Perkara yang perlu dilakukan  
Kulit sepatutnya bersih dan kering sebelum penggunaan. Anda patut mencuci tangan dengan teliti selepas menggunakan Epiduo® Gel.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Epiduo® Gel selepas tarikh luput.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

#### *Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubatan lain, Epiduo® Gel boleh mengakibatkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mendapatnya. Epiduo® Gel mungkin boleh mengakibatkan kesan sampingan seperti yang berikut pada bahagian yang disapu.

##### *Kesan-kesan sampingan biasa:*

- Kulit kering
- Keradangan kulit akibat daripada bahan perengsa
- Pedih
- Iritasi kulit

##### *Kesan-kesan sampingan luar biasa*

- Kegatalan kulit (pruritus)
- Selaran matahari

##### *Kekerapan yang tidak diketahui berlaku*

- Muka Bengkak
- Keradangan kulit akibat daripada alergi.

Jika iritasi kulit muncul selepas penggunaan Epiduo® Gel, ia

biasanya adalah ringan hingga sederhana, dengan tanda-tanda setempat seperti kemerahan, kering, pengelupasan, pedih dan sakit pada kulit (sakit menyucuk) yang akan memuncak pada minggu pertama dan akan hilang tanpa rawatan tambahan

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Epiduo® Gel

### - Penyimpanan

Jauhkan daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C .

### - Pelupusan

Ubatan tidak sepatutnya dibuang melalui air kumbahan atau pembuangan isi rumah. Tanyalah ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### - Rupa dan warna produk

Epiduo adalah gel legap putih hingga kuning pucat.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Adapalene 0.1% w/w, benzoyl peroxide 2.5% w/w
- Bahan tidak aktif  
Disodium edetate, docosate sodium, glycerin, poloxamer, propylene glycol (E1520), simulgel 600PHA (copolymer of acrylamide and sodium

acryloyldimethyltaurate, isohexadecane, polysorbate 80, sorbitan oleate), purified water.

### - Nombor MAL

MAL 20102080A

## Pengilang

Laboratoires Galderma  
ZI-Montdésir  
74540 Alby-sur Chéran, France.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn Bhd  
No 15, Persiaran Pasak Bumi,  
Seksyen U8, Perindustrian Bukit  
Jelutong, 40150, Shah Alam,  
Selangor.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

10/12/2015

## Nombor siri:

BPFK(R4/1)161115/00429